

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]**  
**TARIKH** : **KHAMIS, 19 MEI 2016**  
**RUJUKAN** : **L3 [PR-1342-L74410]**  
**SOALAN** :

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kemajuan dan anggaran kos yang berkaitan bagi pemindahan, penempatan semula dan pembinaan semula velodrum, premis Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar dan Jabatan Kejuruteraan dan Mekanikal DBKL serta daripada pembeli-pembeli tanah di mana tiga bangunan itu terletak.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Cheras,

### **Cadangan Pembinaan Semula Velodrom**

1. Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Bilangan 7 Tahun 2015 bertarikh 8 Disember 2015 yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur telah memutuskan supaya cadangan pembinaan velodrom dibatalkan, antara sebabnya sebuah velodrom baru akan dibina oleh Kementerian Belia dan Sukan di Nilai, Negeri Sembilan.
2. Oleh yang demikian, tanah velodrom lama di Lot 50645 telah dijual untuk projek pembangunan bercampur dan velodrom lama akan dirobuhkan.

### **Pembinaan Pejabat Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar**

3. Pembinaan pejabat baharu Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS) di Lot 58459, Taman Tasik Pudu Ulu, Cheras, Kuala Lumpur sedang giat dijalankan di tapak projek dengan kos projek pembinaan tersebut adalah sekitar RM35 juta.

### **Pembinaan Pejabat Jabatan Kejuruteraan dan Mekanikal**

4. Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan DBKL Bilangan 10 Tahun 2015 bertarikh 19 November 2015 telah memutuskan cadangan pembinaan pejabat Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal (JKME) dibatalkan.
5. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang berusaha untuk membatalkan penjualan tanah di Lot 16 (PT2) Seksyen 91 Mukim Bandar Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan, Batu 2 ½ Jalan Lombong Kuala Lumpur ataupun dibahagikan supaya DBKL tidak perlu membelanjakan wang untuk pembinaan semula.